

[THE HEROIC FIGURES OF ISLAM THROUGH THE WAR POETRY OF KA'AB BIN MALIK]

FIGURA HEROISME ISLAM MELALUI PUISI PERANG KA'AB BIN MALIK

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal
nurulimanphd@gmail.com

Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan
Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Nursafira Lubis Safian
nursafira@jiuum.edu.my

Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan
Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstrak

Ka'ab bin Malik merupakan seorang penyair terkemuka dan sahabat Rasulullah SAW yang memainkan peranan penting dalam sejarah Islam melalui karya-karya puisi. Beliau menggunakan puisi sebagai medium untuk menyampaikan mesej dakwah, membangkitkan semangat juang, dan menggambarkan nilai-nilai luhur seperti keberanian, kesetiaan, dan pengorbanan dalam perjuangan menegakkan agama Allah SWT. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana Ka'ab bin Malik menggambarkan heroisme Islam melalui puisi-puisinya, khususnya dalam konteks peperangan yang disertai seperti Perang Uhud dan Perang Badar. Pendekatan kualitatif dengan metode sejarah dan analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Pendekatan sejarah membantu memahami konteks peristiwa yang digambarkan, manakala analisis kandungan puisi memberi tumpuan kepada gaya bahasa dan struktur puitis dalam puisi-puisi yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa puisi Ka'ab bin Malik bukan sahaja mendokumentasikan peristiwa penting dalam sejarah Islam tetapi juga menjadi alat motivasi yang dapat menaikkan semangat umat Islam pada masa itu. Dengan penggunaan bahasa yang indah dan gaya puitis yang penuh emosi, Ka'ab berjaya menggambarkan ketokohan Rasulullah SAW, ketabahan sahabat dan semangat juang umat Islam. Karya-karya beliau terus dihayati sebagai warisan seni yang sarat dengan nilai moral dan spiritual, memberi inspirasi kepada generasi Islam sehingga kini.

Kata kunci: Ka'ab bin Malik, heroisme Islam, puisi perang, sahabat Rasulullah, sejarah Islam.

Abstract

Ka'ab bin Malik was a renowned poet and companion of Prophet Muhammad SAW who played a significant role in Islamic history through his poetic works. He utilized poetry as a medium to convey messages of da'wah, inspire the spirit of jihad, and depict noble values such as courage, loyalty, and sacrifice in the struggle to uphold Islam. This study aims to analyze how Ka'ab bin Malik represented Islamic heroism through his poetry, particularly in the context of battles he participated in, such as the Battle of Uhud and the Battle of Badr. A qualitative approach, employing historical methodology and content analysis, was adopted for this research. The historical approach aids in understanding the context of the events depicted, while the content analysis focuses on the linguistic style and poetic structure of his works. The findings reveal that Ka'ab bin Malik's poetry not only documented pivotal events in Islamic history but also served as a powerful motivational tool for the Muslim community at the time. Through his eloquent language and emotionally charged poetic style, Ka'ab effectively portrayed the resilience of the Prophet's companions and the fighting spirit of the Muslim ummah. His works are cherished as an artistic legacy imbued with moral and spiritual values, continuing to inspire generations of Muslims.

Keywords: Ka'ab bin Malik, Islamic heroism, war poetry, companion of the Prophet, Islamic history.

Article Received:
20 November 2024

Article Reviewed:
2 December 2024

Article Published:
26 December 2024

PENGENALAN

Puisi merupakan elemen penting dalam kebudayaan Arab sejak kemunculannya, memainkan peranan yang besar dalam membentuk tradisi lisan dan penulisan yang kaya dengan sejarah, nilai dan emosi. Pada zaman pra-Islam, puisi menjadi medium utama bagi masyarakat Arab untuk menyampaikan kisah-kisah epiq, mengabadikan keberanian pejuang Islam, dan mengungkapkan nilai-nilai sosial dan kehormatan suku kaum. Penyair pada masa itu dianggap sebagai tokoh yang mempunyai kekuatan luar biasa, kerana kemampuan mereka untuk mempengaruhi perasaan dan menyentuh jiwa pendengar melalui kata-kata yang penuh dengan keindahan dan kebenaran (al-Jumahi, 1952).

Dengan kemunculan Islam, puisi tidak hanya menjadi alat untuk mengangkat kedudukan suku dan individu, tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk menyebarkan kebenaran Islam. Para penyair Islam menggunakan puisi sebagai medium untuk menyampaikan dakwah, memuji Nabi Muhammad SAW dan para sahabat, serta memperjuangkan nilai-nilai keadilan dan kebenaran yang dibawa oleh Islam (Ibn Hisham, 1990). Puisi pada zaman ini menjadi senjata yang efektif dalam memotivasi umat Islam untuk berjihad, baik dengan senjata maupun dengan kata-kata, serta memperkuuh semangat dan identiti umat. Ka'ab bin Malik merupakan salah seorang penyair dan sahabat yang sangat dekat dengan Rasulullah SAW. Beliau terkenal bukan sahaja kerana puisi-puisinya yang indah, tetapi juga kerana peranan pentingnya dalam perjuangan menegakkan Islam.

Ka'ab bin Malik merupakan antara penyair yang dihormati di kalangan masyarakat Arab pada masa itu, terutama di kalangan sahabat-sahabat Rasulullah SAW, kerana kemampuannya untuk mengungkapkan perasaan, keberanian, dan semangat juang melalui kata-kata yang penuh dengan makna (al-Jarim, t.t). Sebagai seorang penyair, Ka'ab bin Malik menggunakan sastera sebagai senjata untuk memperjuangkan agama Islam dan mempertahankan Rasulullah SAW, terutama melalui puisi-puisinya yang menggambarkan semangat juang umat Islam dalam pelbagai perperangan. Beliau turut mengambil bahagian dalam hampir kesemua perperangan yang berlaku bersama Rasulullah SAW, kecuali Perang Tabuk. Dalam pertempuran-pertempuran ini, Ka'ab tidak hanya berperang dengan pedang, tetapi juga menggunakan puisi untuk memberi semangat kepada para pejuang Islam dan menyemai rasa takut dalam kalangan musuh-musuh Islam.

Ka'ab bin Malik turut memainkan peranan yang sangat penting dalam menggambarkan kehebatan dan ketabahan hero Islam melalui puisinya. Beliau menggambarkan semangat juang para sahabat yang sedia berkorban demi mempertahankan Islam dan menegakkan kebenaran. Selain itu, beliau tidak segan menggunakan puisi untuk menyerang musuh Islam dan memberi amaran tentang akibat daripada kebodohan mereka, supaya timbul rasa takut dan menggugat semangat musuh. Melalui puisi, Ka'ab bin Malik memperlihatkan bahawa untuk menjadi seorang hero bukan hanya terletak pada kekuatan fizikal dan ketangkasan dalam berperang, tetapi juga pada keberanian hati dan keteguhan iman. Beliau sering kali mengangkat martabat para pejuang yang menghadapi pelbagai ujian dan cabaran dalam mempertahankan agama Allah. Melalui karya-karyanya, beliau berjaya menzahirkan watak-watak hero Islam yang penuh dengan semangat dan ketabahan. Puisi-puisi Ka'ab bin Malik yang menggambarkan kepahlawanan, pengorbanan, dan kesetiaan kepada agama serta Rasulullah SAW memang menjadi warisan berharga dalam sejarah kesusastraan Islam. Karya-karya beliau bukan sahaja berfungsi sebagai dokumen sejarah yang mencatatkan peristiwa-peristiwa penting dalam perjuangan Islam, tetapi juga menyampaikan nilai-nilai luhur yang terus memberi inspirasi kepada generasi selepasnya.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, Ka'ab bin Malik terus dikenali sebagai seorang sahabat yang teguh dalam keimanan dan ketakwaan. Beliau menjalani kehidupan yang dihormati pada zaman pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin, iaitu Abu Bakar as-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan, dan Ali bin Abi Talib. Ka'ab mengekalkan reputasi yang baik dalam masyarakat Islam dan menjadi sumber inspirasi kepada generasi seterusnya. Selain itu, Ka'ab memainkan peranan penting dalam menyebarkan ilmu dan sunnah Rasulullah SAW. Sebagai seorang sahabat yang dipercayai, beliau turut menyumbang kepada dokumentasi hadis dan menyampaikan ajaran Nabi kepada masyarakat Islam.

Kewibawaan beliau dalam ilmu agama menjadikannya salah seorang sahabat yang dihormati dalam periyawatan hadis. Ka'ab juga sempat tinggal di wilayah Syam pada zaman pemerintahan Sayyidina Ali bin Abi Talib, di mana beliau berperanan dalam membimbing komuniti Islam di kawasan tersebut. Namun, beliau kembali ke Madinah tempat asalnya, dan menghabiskan sisa hidup di sana bersama para sahabat lain (al-Ani,1997).

Pada akhir hayatnya, Ka'ab bin Malik kehilangan penglihatan pada zaman pemerintahan Mu'awiyah bin Abi Sufyan. Beliau wafat pada tahun 50 Hijrah, bersamaan dengan 670 Masihi, ketika berumur sekitar 74 tahun. Walaupun kehilangan penglihatan, Ka'ab tetap teguh dengan keimanan dan kesetiaan kepada Islam. Kehidupan beliau mencerminkan sifat istiqamah, kejujuran, dan keteguhan hati, sebagaimana yang terserlah dalam kisah taubatnya selepas Perang Tabuk. Melalui kehidupannya selepas kewafatan Nabi SAW, Ka'ab bin Malik terus menyumbang kepada penyebaran ilmu, memelihara sunnah, dan menjadi contoh kepada umat Islam dalam menegakkan kebenaran dan kejujuran (al-Ani,1997) .

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji figura heroisme yang terdapat dalam puisi perang Ka'ab bin Malik, dengan meneliti bagaimana beliau menggambarkan peranan pahlawan Islam dalam konteks peperangan bersama Rasulullah SAW. Kajian ini juga akan memberi tumpuan kepada bahasa dan gaya puitis yang digunakan oleh beliau dalam menggambarkan sifat-sifat keberanian, kesetiaan, dan pengorbanan yang terpancar dalam diri para sahabat, serta bagaimana elemen-elemen ini memperkuatkan semangat juang umat Islam pada masa itu.

METODE

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan sejarah dan analisis kandungan teks puisi. Pendekatan sejarah diterapkan untuk memahami latar belakang sejarah, konteks, dan peristiwa yang digambarkan dalam puisi-puisi Ka'ab bin Malik, terutamanya yang berkaitan dengan peperangan bersama Rasulullah SAW. Pendekatan ini membantu dalam mengkaji hubungan antara peristiwa sejarah dan penggambaran pahlawan Islam dalam puisi beliau.

Seterusnya, analisis kandungan teks puisi dalam *diwan Ka'ab bin Malik al-Ansari: Dirasah wa Tahqiq* karya Sami Maki al-Ani (1997) digunakan untuk meneliti struktur, gaya bahasa, dan unsur-unsur puitis dalam karya-karya beliau. Melalui analisis ini, kajian ini bertujuan untuk mengidentifikasi strategi Ka'ab dalam menggunakan keberanian, pengorbanan, dan kesetiaan para sahabat dalam peperangan, serta bagaimana beliau menggunakan puisi untuk memotivasi umat Islam dan menggambarkan semangat perjuangan mereka. Persampelan puisi untuk analisis kandungan dilakukan melalui dua langkah utama. Pertama, puisi-puisi Ka'ab bin Malik akan dikelompokkan mengikut tema perang yang berkaitan peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Islam, seperti Perang Badar dan Perang Uhud. Kedua, analisis akan memberi tumpuan kepada kewujudan watak heroisme Islam dalam puisi-puisi tersebut. Kajian ini akan meneliti bagaimana Ka'ab bin Malik menggambarkan pahlawan-pahlawan Islam melalui sifat-sifat seperti keberanian di medan perang, kesetiaan kepada Rasulullah SAW, dan pengorbanan demi mempertahankan agama.

KONSEP HEROISME

Heroisme merujuk kepada sifat-sifat atau tindakan luar biasa yang melibatkan keberanian, ketahanan, dan pengorbanan dalam menghadapi cabaran besar. Ia bukan hanya terbatas kepada kekuatan fizikal atau kemenangan dalam perang, tetapi juga melibatkan keberanian untuk mempertahankan kebenaran, melindungi yang lemah, dan berjuang untuk kesejahteraan orang ramai (Sriwulandari, 2021). Heroisme dalam konteks ini juga merangkumi ketabahan untuk bertahan dalam situasi yang sukar, seperti kesakitan atau keletihan, sambil terus berjuang demi mencapai matlamat yang lebih besar. Seorang hero bukan sahaja bertindak untuk kepentingan dirinya sendiri tetapi juga untuk manfaat orang lain, yang menjadikan tindakan mereka dianggap mulia dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Menurut Sabillah, Mitchellia Islam, & Yaqin, M. Ainul (2024), heroisme lebih daripada sekadar berperang atau menang dalam pertempuran. Ia melibatkan cara seseorang mengatasi masalah yang dihadapi, berusaha menyelesaikan kesulitan dengan tindakan yang bijaksana dan penuh tanggungjawab. Dalam erti kata lain, heroisme berakar pada ketabahan moral dan keinginan untuk memajukan kebaikan dalam kehidupan sosial dan masyarakat. Oleh itu, heroisme juga termasuk sikap berani mempertahankan kebenaran dan keadilan dalam menghadapi ketidakadilan sosial atau politik, serta kesanggupan berkorban demi kepentingan negara dan umat manusia secara keseluruhan.

Dari sudut pandang bahasa Arab, konsep heroisme juga menekankan pada keberanian dalam menghadapi cabaran besar. Ibn Manzur (1991) dalam Lisan al-Arab mentakrifkan hero (البطل) sebagai seorang yang memiliki kemampuan untuk mengalahkan musuh atau halangan besar dengan ketabahan dan kekuatan, serta bertindak dengan penuh keberanian untuk mempertahankan prinsip dan nilai. Heroisme dalam tradisi Arab sering dikaitkan dengan kesetiaan kepada agama, negara, atau prinsip moral, dan pengorbanan demi kebaikan masyarakat.

Dalam sastera, heroisme merujuk kepada sifat-sifat kepahlawanan yang digambarkan melalui karya-karya sastera untuk mengangkat nilai keberanian, pengorbanan, dan keadilan. Dalam konteks ini, heroisme sering kali dikaitkan dengan watak utama yang menjadi simbol keteguhan moral dan kekuatan dalam menghadapi cabaran (Zulkifli, 2014). Sastera Arab klasik, seperti puisi perang, memaparkan heroisme melalui naratif keberanian dan pengorbanan pahlawan yang mempertahankan agama, bangsa, atau tanah air, sebagaimana yang terdapat dalam karya penyair-penyair seperti Ka'ab bin Malik.

Dalam sastera Arab moden pula, heroisme sering ditonjolkan melalui perjuangan watak utama menentang ketidakadilan sosial, kezaliman politik, atau cabaran kehidupan harian. Ini mencerminkan peralihan nilai dari fokus kepada keberanian fizikal kepada keberanian moral dan sosial. Contohnya, dalam puisi dan novel moden, watak hero mungkin digambarkan sebagai individu yang berani menegakkan keadilan dan mempertahankan hak-hak kemanusiaan dalam masyarakat yang menekan (Zulkifli, 2014).

Secara keseluruhannya, heroisme dalam sastera bukan sahaja menampilkan perjuangan watak-watak yang luar biasa tetapi juga menjadi saluran untuk menyampaikan nilai-nilai universal seperti keberanian, keadilan, dan ketahanan kepada pembaca, menjadikannya relevan dalam pelbagai konteks zaman. Oleh itu, kajian ini ingin mengupas dan menonjolkan figura-figura heroik Islam yang digambarkan melalui puisi perang Ka'ab bin Malik, serta sifat-sifat heroisme yang terdapat dalam karya tersebut. Kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana Ka'ab bin Malik menyampaikan nilai-nilai kepahlawanan, keberanian, dan pengorbanan dalam menghadapi cabaran semasa perang, serta bagaimana sifat-sifat ini diterjemahkan melalui bahasa puisi yang mendalam. Dengan meneliti puisi Ka'ab bin Malik, kajian ini juga bertujuan untuk menggali bagaimana heroisme Islam digambarkan dalam konteks budaya Arab dan ketahanan jiwa yang menjadi ciri utama dalam perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan.

HEROISME ISLAM DALAM PUISI PERANG KA'AB BIN MALIK

Ka'ab bin Malik, seorang penyair terkemuka pada zaman Rasulullah SAW, merupakan antara tokoh penting yang merakamkan semangat heroisme Islam melalui puisi-puisinya. Dalam konteks peperangan, karya Ka'ab bin Malik bukan sahaja mencerminkan keberanian dan pengorbanan para sahabat, tetapi juga menggambarkan nilai-nilai murni yang menjadi tunjang kepada perjuangan Islam. Melalui setiap bait puisi, Ka'ab menghidupkan kisah-kisah perjuangan yang menonjolkan keberanian di medan perang, keteguhan iman kepada Allah, dan kesetiaan kepada Rasulullah SAW.

Sebagai saksi langsung kepada peristiwa-peristiwa besar dalam sejarah Islam, Ka'ab menggunakan puisinya untuk mendokumentasikan peperangan penting seperti Perang Badar dan Uhud. Dalam setiap naratif puitisnya, elemen heroisme jelas terpancar, memperlihatkan bagaimana umat Islam bukan sahaja bertempur dengan senjata, tetapi juga dengan keikhlasan dan pengorbanan jiwa raga demi menegakkan agama Allah.

Oleh itu, Puisi Ka'ab bin Malik menjadi medium yang berkesan dalam menyemarakkan semangat juang umat Islam, menjadikannya bukan sahaja sebagai alat seni, tetapi juga sebagai alat motivasi yang melangkaui zaman. Heroisme yang dirakamkan dalam karyanya terus memberi inspirasi kepada generasi seterusnya tentang pentingnya keberanian dan keteguhan dalam mempertahankan kebenaran.

Rasulullah S.A.W

Dalam puisi-puisi Ka'ab bin Malik, Rasulullah S.A.W diabadikan sebagai figura agung yang mencerminkan nilai-nilai heroisme Islam sejati. Keberanian, kebijaksanaan, dan kesabaran baginda dalam memimpin umat Islam menjadikan baginda contoh unggul bagi para sahabat dan umat Islam keseluruhannya. Rasulullah S.A.W tidak hanya menjadi pemimpin yang gagah berani di medan perang, tetapi juga seorang pembimbing rohani yang memancarkan nilai rahmah, keadilan, dan ketabahan.

Sebagai seorang pejuang, Rasulullah S.A.W tidak pernah gentar menghadapi cabaran, malah memimpin sendiri para sahabat dalam situasi yang paling mencabar, seperti yang digambarkan oleh Ka'ab bin Malik dalam puisinya mengenai Perang Badar. Baginda memotivasi tentera Muslimin dengan semangat dan keimanan yang kukuh, sementara kehadiran Jibril di bawah panji baginda menjadi simbol keteguhan serta pertolongan ilahi yang menyokong perjuangan mereka. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam bait (al-Ani: 1997):

جُبْرِيلُ تَحْتَ لَوَائِنَا وَمُحَمَّدٌ
وَبِئْرَ بَذْرٍ إِذْ يَرْدُ وَجْهُهُمْ
قُسْمَيْنِ نَفْشُلُ مَنْ شَاءَ وَنَطْرُدُ
حَتَّىٰ رَأَيْثُ لَدَى النَّبِيِّ سَرَاتُهُمْ

Bait ini menggambarkan bagaimana para musuh yang menuju ke Badar mendapati diri mereka berhadapan dengan pasukan Muslim yang dipimpin oleh Rasulullah S.A.W, dengan Jibril a.s. sebagai pendamping spiritual di bawah panji kemenangan. Gambaran ini bukan sahaja menonjolkan kepemimpinan strategik baginda, tetapi juga mengukuhkan keyakinan bahawa kejayaan umat Islam adalah hasil daripada keimanan yang utuh kepada Allah SWT.

Selain itu, Ka'ab turut memaparkan bagaimana Rasulullah S.A.W berjaya mengimbangi keberanian dan belas kasihnya. Peperangan yang dipimpin oleh Baginda bukan sekadar medan untuk menunjukkan kekuatan fizikal, tetapi juga ruang untuk menegakkan keadilan dan menanam nilai rahmah. Dalam kemenangan, Baginda tidak membala dendam, malah mengutamakan perdamaian dan pengampunan terhadap musuh-musuh yang menyerah diri.

Ka'ab bin Malik menghidupkan sosok Rasulullah S.A.W dengan gaya bahasa yang penuh keindahan. Penggunaan metafora seperti "جَبْرِيلُ تَحْتَ لِوَائِنَا" (Jibril di bawah panji kami) menggambarkan pertolongan Ilahi yang memberi kekuatan luar biasa kepada umat Islam. Unsur hiperbola juga digunakan untuk menonjolkan kemuliaan dan kekuatan kepemimpinan Rasulullah S.A.W, seperti gambaran musuh yang kelihatan tidak berdaya menghadapi pasukan Muslim. Struktur bait yang berirama dan pilihan kata-kata yang padat serta bermakna menciptakan pengalaman puitis yang menggetarkan hati pembaca.

Syair ini tidak hanya membawa unsur naratif sejarah tetapi juga menanamkan rasa hormat dan keagungan yang mendalam terhadap Rasulullah S.A.W sebagai pemimpin yang hebat. Ka'ab menggunakan elemen perbandingan untuk menonjolkan keunggulan Rasulullah SAW, baik dari segi keperibadian maupun pencapaian di medan perang, yang mengangkat puisi ini ke tahap seni sastera yang tinggi.

Ubaidah bin Harith

Ubaidah bin Harith merupakan seorang tokoh Islam yang terkenal dengan keberanian dan pengorbanannya dalam perjuangan menegakkan agama Islam. Beliau adalah sepupu kepada Nabi Muhammad SAW dan berasal dari keluarga terhormat, iaitu keluarga Bani Hashim. Ayahnya, al-Harith bin Abdul Muttalib, merupakan salah seorang ahli keluarga yang dekat dengan Nabi. Ubaidah dilahirkan sebelum hijrah dan dikenali dengan keteguhan iman serta semangat juang yang tinggi (Ibn al-Athir, t.th.). Beliau terkenal sebagai salah seorang daripada sahabat yang turut serta dalam Perang Badar, perang ini merupakan pertempuran penting antara pasukan Muslim dan pasukan Quraisy. Dalam pertempuran ini, Ubaidah bin Harith memainkan peranan yang besar. Beliau dikenali sebagai pahlawan yang berani, terutamanya ketika beliau terlibat dalam perlawanan satu lawan satu menentang Shi'bah bin Rabi'ah (al-Ghazali, 2013).

Semasa Perang Badar, Ubaidah bin Harith berhadapan dengan Shi'bah, di mana kedua-duanya cedera. Ubaidah mengalami kecederaan teruk di kakinya, namun beliau tetap bersemangat melawan. Akhirnya, beliau meninggal dunia akibat kecederaan tersebut (al-Ghazali, 2013). Walaupun tubuhnya cedera parah, semangat juangnya tidak pernah pudar. Ini menggambarkan pengorbanan beliau yang sangat besar demi agama Islam. Antara bait Ka'ab bin Malik mengenai perasaan beliau tentang peristiwa ini ialah (al-Ani, 1997):

بـ دـمـعـكـ حـقـّـاـ وـلـاـ تـزـرـيـ	أـيـاـ عـيـنـ جـوـديـ وـلـاـ تـبـخـلـيـ
كـرـيمـ المـشـاهـدـ وـالـغـصـرـ	عـلـىـ سـيـدـ هـدـنـاـ هـلـكـهـ
كـرـيمـ النـثـاـ طـيـبـ الـمـكـسـرـ	جـرـيـءـ المـقـدـمـ شـاكـيـ السـلاـحـ

Puisi yang diungkapkan oleh Ka'ab bin Malik ini menggambarkan kehilangan Ubaidah bin Harith R.A sebagai suatu musibah besar yang memberi kesan mendalam kepada umat Islam. Melalui gaya bahasa mubahlah, penyair bukan sahaja mengenang keberanian Ubaidah di medan perang tetapi juga menonjolkan sifat-sifat luar biasa beliau sebagai seorang tokoh Islam yang agung. Baris pertama, "أـيـاـ عـيـنـ جـوـديـ وـلـاـ تـبـخـلـيـ" (Wahai mata, gugurkanlah air mata dan jangan enggan), mengandungi unsur personifikasi yang menyeru mata untuk terus menangis tanpa henti. Hal ini menggambarkan kedalaman kesedihan penyair yang melampaui kebiasaan manusia, seolah-olah kehilangan Ubaidah bukan hanya menimpa seorang individu tetapi juga seluruh umat Islam.

Seterusnya, ungkapan "عَلَى سَيِّدِ هَذَنَا هُنْكُهُ" (Untuk seorang pemimpin, kehilangannya telah menghancurkan kita) menunjukkan keterpaksaan umat Islam menerima hakikat kehilangan seorang pemimpin terbilang. Frasa "هَذَنَا" membawa konotasi yang sangat berat, menggambarkan kejatuhan moral dan semangat umat Islam akibat kehilangannya. Melalui baris ini, Ka'ab bin Malik berusaha menonjolkan kedudukan Ubaidah bukan sahaja sebagai pahlawan tetapi juga sebagai lambang kekuatan dan inspirasi bagi masyarakat.

Dalam baris "كَرِيمُ الْمُشَاهِدِ وَالظَّصْرُ" (Pemurah di medan pertempuran dan dalam kabilah), penyair menggunakan mushabahah untuk mengaitkan sifat kedermawanan Ubaidah dengan kemuliaannya di medan perang dan dalam masyarakat. Hal ini menggambarkan keseimbangan antara kehebatannya sebagai pahlawan dan sifat mulianya sebagai individu. Sifat keberanian beliau diperkuuhkan lagi dalam baris "جَرِيءُ الْمُقَدَّمِ شَاكِي السَّلَاحِ" (Berani di barisan hadapan, bersenjata lengkap). Frasa ini menonjolkan bahawa Ubaidah adalah seorang yang sentiasa bersedia menghadapi bahaya tanpa rasa takut, menjadikannya contoh teladan kepada para pejuang Islam yang lain.

Akhir sekali, ungkapan "كَرِيمُ النَّثَانِ طَيِّبُ الْمُكْسِرِ" (Pemurah dalam pergaulan dan terpuji dalam kabilah) mengukuhkan pandangan bahawa Ubaidah adalah individu yang mempunyai keperibadian sempurna, baik dari segi keberanian mahupun pergaulan sosial. Penyair dengan sengaja menggunakan gaya bahasa puitis ini untuk memastikan jasa dan pengorbanan Ubaidah diingati sebagai teladan yang agung sepanjang zaman.

Oleh itu, puisi Ka'ab bin Malik ini memperlihatkan penghargaan yang mendalam terhadap Ubaidah bin Harith R.A sebagai seorang pahlawan yang luar biasa. Melalui mubahalah dan keindahan gaya bahasanya, penyair bukan sahaja mengenang pengorbanan beliau tetapi juga menonjolkan jasa beliau dalam membentuk semangat juang umat Islam. Ini menjadikan puisi ini bukan sekadar penghormatan tetapi juga peringatan tentang nilai keberanian, keimanan, dan kedermawanan dalam sejarah Islam.

Ja'far bin Abi Talib

Ja'far bin Abi Talib, yang dikenali dengan gelaran "Ja'far at-Tayyar" atau "Pemegang Dua Sayap," merupakan salah seorang sahabat Nabi Muhammad SAW yang terkemuka dan dihormati. Beliau adalah sepupu Rasulullah SAW dan abang kepada Imam Ali bin Abi Talib. Ja'far terkenal dengan sifat keberanian, ketulusan hati, dan pengorbanannya dalam perjuangan untuk agama Islam.

Salah satu peristiwa paling bersejarah dalam hidupnya adalah dalam Perang Mu'tah, yang mana beliau dilantik sebagai panglima tentera Islam setelah Zaid bin Harithah tercedera. Dalam pertempuran tersebut, beliau memperlihatkan keberanian yang luar biasa. Walaupun menghadapi musuh yang lebih ramai dan kuat, Ja'far terus memimpin tentera dengan semangat juang yang tinggi. Beliau bertempur dengan hebat, dan dalam satu ketika, beliau terjatuh setelah kudanya diserang oleh musuh. Namun, Ja'far tetap berjuang dan akhirnya syahid dengan penuh keberanian (Muhammad, 2010).

Setelah kematiannya, Rasulullah SAW sangat berduka cita atas pemergian Ja'far dan menyebut beliau sebagai "pemegang dua sayap", merujuk kepada penghormatan Allah kepadanya dengan memberikan sayap di syurga kerana pengorbanannya yang besar. Pemergian Ja'far merupakan satu kehilangan besar bagi umat Islam kerana beliau adalah contoh kepahlawan, keberanian, dan kesetiaan kepada agama. Pemergian Ja'far meninggalkan kesan mendalam kepada sahabat-sahabat Nabi dan umat Islam pada masa itu.

Rasulullah SAW menyatakan bahawa beliau sangat mencintai Ja'far dan menganggapnya sebagai seorang pahlawan yang berjiwa besar (Muhammad, 2010). Selain itu, beberapa sahabat, termasuk Ka'ab bin Malik, turut menzahirkan rasa sedih melalui puisi dan ungkapan yang menggambarkan betapa besarnya pengaruh dan peranan Ja'far dalam sejarah Islam (al-Ani, 1997).

فَدَامْ أَوْلَاهُمْ نَعْمَ الْأَوَّلْ حَيْثُ الْقَى وَعَثُ الصُّوفُ مُجَدَّلْ وَالشَّمْسُ قَذْ كَسَفَتْ وَكَادَتْ تَأْفِلْ فَرْعَأَا أَشَمَّ وَسُؤْدَداً مَا يُنْقَلْ	إِذْ يَهْتَدُونَ بِجَعْفَرِ وَلَوْا إِمَّ حَتَّى تَقْرَجَتِ الصُّوفُ وَجَعْفَرُ فَغَيَّرَ الْقَمَرُ الْمُنِيرَ لِفَقَدِ فَرْزَمْ عَلَى بُنْيَانِهِ مِنْ هَاشِمِ
--	--

Dalam puisi ini, Ka'ab bin Malik menggunakan pelbagai gaya bahasa untuk menyampaikan kesedihan dan penghormatan yang mendalam terhadap Ja'far bin Abi Talib. Pada bait pertama, Ka'ab bin Malik menggambarkan keberanian dan kepimpinan Ja'far di medan perang, dengan menyatakan bahawa pasukan Muslim menempuh jalan yang benar di bawah pimpinan Ja'far dan panji Islam (الرأي).

Frasa "قدام أولهم" menunjukkan bahawa Ja'far berada di hadapan pasukannya, simbol kepimpinan yang teguh dan keberanian yang tidak goyah. Ka'ab bin Malik memuji Ja'far sebagai "نعم الأول" (sebaik-baik pemimpin), memberikan penghargaan tertinggi atas peranannya dalam memimpin pasukan Islam.

Seterusnya, Ka'ab menggambarkan keadaan pertempuran yang penuh kekacauan dengan frasa "تَقْرَجَتِ الصُّوفُ" yang menggambarkan terpecahnya barisan pasukan Islam, memberi kesan bahawa pertempuran itu sangat hebat dan sukar. Frasa ini menunjukkan situasi yang penuh ketegangan dan kesulitan, di mana pasukan Islam terpaksa berhadapan dengan musuh yang sangat kuat.

Pada tahap ini, Ka'ab menggunakan kinayah dengan frasa "وعث الصوفوف", yang secara simbolik menggambarkan kekacauan pertempuran yang tiada jalan keluar. Kinayah ini memberi gambaran seolah-olah pertempuran itu seperti "fotografi" situasi di mana segala-galanya terpecah, tidak ada jalan untuk melarikan diri, dan para pejuang Islam berada dalam keadaan yang sangat sukar.

Selain itu, frasa "مُجَدَّل" membawa konotasi kekuatan dan keteguhan Ja'far dalam menghadapi situasi yang sangat mencabar. Ka'ab menggambarkan Ja'far sebagai seorang pejuang yang tidak pernah gentar, meskipun dalam situasi yang sangat menekan dan sulit. Keberanian Ja'far sebagai seorang pemimpin yang teguh menggambarkan semangat juang yang luar biasa, yang memberi inspirasi kepada pasukan untuk terus bertahan.

Ka'ab bin Malik juga menggunakan tashbih (simile) dan personifikasi untuk menggambarkan perubahan alam yang mencerminkan perasaan yang amat sedih. Dalam puisi tersebut, Ka'ab menyebut bahawa bulan (القمر) yang biasanya terang kini berubah menjadi gelap, dan matahari (الشمس) hampir terbenam. Tashbih ini memberikan perbandingan antara kehilangan Ja'far dengan bulan yang hilang sinarnya dan matahari yang gerhana. Ia melukiskan alam semesta seolah-olah turut bersedih dengan perubahan ini, seolah-olah alam juga kehilangan nurnya.

Personifikasi pula dilihat dalam ungkapan di mana bulan dan matahari digambarkan seolah-olah mereka mengalami kesedihan yang mendalam, memberikan sifat manusia kepada benda-benda yang tidak bernyawa. Ini memberikan kesan emosi yang lebih mendalam, menunjukkan bahawa kehilangan Ja'far bukan sahaja memberi kesan kepada manusia, tetapi juga kepada alam semesta.

Dengan menggunakan tashbih dan personifikasi ini, Ka'ab bin Malik menggambarkan betapa besar dan beratnya kehilangan tersebut, yang bukan sahaja dirasai oleh umat Islam, tetapi juga oleh alam semesta sebagai keseluruhan.

Ka'ab bin Malik turut memuji Ja'far dengan menyebut bahawa beliau adalah seorang "قرم" yang bermaksud pahlawan yang hebat dan berani. Ka'ab bin Malik menggambarkan Ja'far sebagai tiang (بنيان) yang kukuh dalam keluarga Hashim, menunjukkan betapa besar pengaruh dan martabat beliau dalam keluarga yang mulia ini. Perkataan "فرعًا أشما" merujuk kepada keturunan Ja'far yang mulia, sementara "سُوْدَّا مَا يُنْقَل" menggambarkan kemuliaan dan kehormatan yang dimiliki oleh Ja'far yang tidak akan pernah dilupakan. Ka'ab bin Malik menegaskan bahawa Ja'far bukan sahaja pahlawan dalam peperangan, tetapi juga seorang yang mempunyai kedudukan terhormat dalam masyarakat kerana kepimpinannya yang teguh dan keupayaannya untuk memberi teladan kepada umat Islam. Kepimpinan Ja'far yang kukuh tidak hanya bersandarkan kepada keberanian di medan perang, tetapi juga kepada nilai-nilai luhur yang diamalkan dalam kehidupan sosial dan keagamaan.

KESIMPULAN

Puisi-puisi Ka'ab bin Malik bukan sahaja warisan seni yang indah bahkan memainkan peranan penting dalam membangkitkan semangat juang para pejuang Islam. Sebagai seorang penyair yang turut terlibat dalam banyak peperangan bersama Rasulullah SAW, beliau memiliki keupayaan luar biasa untuk mengubah pengalaman pertempuran yang penuh darah dan pengorbanan menjadi puisi yang menggugah jiwa. Dengan ungkapan yang penuh makna, beliau berjaya menggambarkan ketabahan dan keberanian pejuang-pejuang Islam yang berjihad demi menegakkan agama Allah, sambil mengekspresikan kesedihan atas kehilangan para syuhada' yang gugur di medan perang.

Melalui puisi, Ka'ab bin Malik mampu merakamkan perasaan dan pengalaman yang mencerminkan semangat heroisme yang tinggi, seperti yang ditunjukkan oleh tokoh-tokoh seperti Rasulullah SAW, Ubaidah bin Harith, dan Ja'far bin Abi Talib. Puisi beliau menggambarkan keberanian, pengorbanan, dan komitmen yang tiada tandingan terhadap perjuangan Islam. Sebagai contoh, ketika menyebut pertempuran dan para pejuang yang syahid, beliau bukan sahaja mengabadikan kenangan mereka, tetapi juga memberikan penghormatan selain memberi motivasi kepada hero-hero Islam yang masih berjuang.

Puisi Ka'ab bin Malik bukan sahaja bertujuan untuk mengenang pengorbanan pahlawan-pahlawan Islam, tetapi juga untuk memotivasi generasi selepasnya untuk meneruskan perjuangan. Dengan menggambarkan keberanian tokoh seperti Ubaidah bin Harith yang mempertaruhkan nyawa di medan perang dan Ja'far bin Abi Talib yang menghadapi kematian dengan penuh keberanian, Ka'ab memberi semangat kepada setiap pejuang untuk mengutamakan jihad dan perjuangan atas nama agama.

Puisi beliau bukan sahaja mengajak para pejuang untuk tidak gentar menghadapi cabaran dan ujian di medan perang, bahkan memotivasi mereka sebagai peluang untuk mendapatkan ganjaran syurga. Secara keseluruhan, puisi Ka'ab bin Malik bukan sahaja mencerminkan kesedihan atas kehilangan, tetapi juga menjadi pendorong semangat bagi umat Islam untuk terus berjuang. Dengan bahasa yang puitis dan penuh emosi, beliau mengangkat martabat pejuang Islam dan menjadikan karya-karyanya sebagai sumber inspirasi dan semangat juang yang kekal hingga ke hari ini.

RUJUKAN

- al-Ani, Sami Maki. (1997). *Diwan Ka'ab bin Malik al-Ansari: Dirasah wa Tahqiq*. Edisi Kedua. Beirut: Alam al-Kutub.
- al-Ghazali, Salim (2013). 'Ubaydah ibn al-Harith wa Qasidatuhu al-Shaja'ah fi Ghazwat Badr al-Kubra: Dirasah wa Tahlilan. *OKARA: Jurnal Bahasa dan Sastra*, 7(1).
- Ibn al-Athir, Abu al-Hasan 'Aziz al-Din. (t.th.). *Asad al-Ghaba fi Ma'rifat al-Sahaba* (Vol. 3). Beirut: Dar al-Kutub.
- Ibn Hisham, 'Abd al-Malik. (1990). *Sirah Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Jarim, Ahmad. (t.th.). *Sha'ir al-Islam: Ka'ab bin Malik*. Cairo: Maktabah Al-Adab.
- al-Jumahi, Muhammad Sallam. (1952). *Tabaqat Fuhul al-Sha'ara*. Cairo: Dar al-Ma'arif.
- Muhammad, Qahtan Hamdi. (2010). Ja'far Ibn Abi Talib: Al-Sahabi Al-Amir Al-Muhaddith, wa Dawruhu Fi Hijrat al-Habashah wa Jaysh Al-Umara'. *Majallat Sirr Min Ra'a Lil-Dirasat al-Insaniyyah*, 6(19).
- Sabillah, Mitchellia Islam, & Yaqin, M. Ainul. (2024). Heroism in movie Taken by Luc Besson and Robert Mark Kamen. *Journal of Language, Literature, and Linguistics*, 2(2), 22-35.
- Sriwulandari, Siti. (2021). Heroisme dalam "Michel Strogoff" karya Jules Verne. Skripsi Universitas Hasanuddin.
- Taylor, F. (2001). *The Ethics of Heroism: A Study of Heroic Virtues and Moral Courage*. Cambridge University Press.
- Zulkifli, Siti Khadijah. (2014). *Al-Butulah fi Adab Rawdat al-Farakh al-Hudhud: Majmu'ah Hikayat Butuliyyah li-l-Atfal Unmuthajan Dirasah Fanniyyah Tahliliyyah*. Tesis Sarjana, Ma'arif al-Wahy wa al-Turath, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.